

PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN PERHUTANAN SOSIAL DI SARAWAK

**Abang Nuradzizi A. B.^{1,2}, Silvester J. A.¹, Liam D.¹,
Siti Rohaiya K.¹, Rudy P.¹, Nyareng K.¹, Tingsan K.¹, Mallwaldron L.¹, Arwel U.¹
Syarini S.¹, Abdul Gani M.¹, & Suliman J.¹**

*Forest Department Sarawak, Sarawak, Malaysia^{1,2}
Email: nuradzbi@sarawak.gov.my²*

Abstrak

Perhutanan sosial adalah salah satu fungsi utama Jabatan Hutan Sarawak. Terdapat lima (5) pendekatan utama dalam melaksanakan fungsi ini iaitu program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA); peningkatan pendapatan dan taraf hidup komuniti; pembangunan modal insan; kerja – kerja sosial dan khidmat komuniti; serta perhutanan tani dan perhutanan bandar. Pendekatan ini seiring dengan aspirasi kerajaan seperti *Post Covid – 19 Development Strategy 2030 (PCDS 2030)*. Usaha perhutanan sosial di Sarawak ini telah meningkatkan kesejahteraan hidup komuniti yang tinggal di kawasan sekitar kawasan Hutan Simpan Kekal (*Permanent Forest Estates, PFE*) hasil daripada aktiviti melibatkan komuniti dengan kursus, program dan projek pembangunan yang berimpak positif.

Kata kunci: Perhutanan sosial di Sarawak, kesejahteraan hidup komuniti, Hutan Simpan Kekal

Abstract

Social forestry is one of a main function of Forest Department Sarawak. There are five (5) main approaches to run this function: the Communication, Education, and Public Awareness (CEPA); to increase income and living conditions of the communities; human capital development; social works and community services; and agroforestry and urban forestry. These approaches are in line with the government's aspirations such as *Post Covid – 19 Development Strategy 2030 (PCDS 2030)*. The social forestry initiatives have managed to increase the communities' well – beings living surrounding the *Permanent Forest Estates (Hutan Simpan Kekal, PFE)* by involving those with courses, programs and development projects with positive impacts.

Keywords: Social forestry in Sarawak, communities' well – beings, Permanent Forest Estates

1.0 Pengenalan

Perhutanan Sosial merupakan salah satu fungsi di Jabatan Hutan Sarawak. Bermula daripada Unit Inisiatif Khidmat Komuniti (*Community Services Initiative Unit*, CSIU), bahagian ini telah dimekarkan menjadi sebuah bahagian yang dikenali sebagai Bahagian Perhutanan Sosial (*Social Forestry Division*, SFD).

Projek perhutanan sosial pertama dijalankan oleh Jabatan Hutan Sarawak bermula sekitar penghujung tahun 1980an dengan projek perhutanan tani yang dilaksanakan bersama komuniti di Hutan Simpan Sabal. Aktiviti menanam semula pokok giat dijalankan di sekitar kawasan bekas pertanian pindah, padang ragut ternakan dan sawah padi, tanaman kontan dan pokok buah – buahan.

Pada tahun 1992, Jabatan Hutan Sarawak dengan kerjasama Pertubuhan Kayu Kayan Topika Antarabangsa (ITTO) telah menjalinkan kerjasama sebagai inisiatif bagi mengukuhkan dan menguatkan dasar pengurusan hutan lestari (SFM). Hasil kerjasama ini, dua buah projek iaitu *Development of Lanjak Entimau Wildlife Sanctuary as a Totally Protected Area*, dan *Transboundary Biodiversity Conservation: The Pulong Tau National Park* telah dilaksanakan. dengan matlamat untuk meningkatkan taraf hidup komuniti melalui projek pembangunan komuniti.

Kini, terdapat pelbagai inisiatif yang dijalankan seperti projek pembangunan, kursus dan pembangunan modal insan di kalangan komuniti dan juga kakitangan jabatan. Perhutanan sosial ini adalah penting bagi memelihara ekosistem hutan di Sarawak yang meliputi kira – kira 62% atau 7.69 juta hektar yang turut meliputi 3.965 juta hektar hutan telah diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal (Permanent Forest Estates, PFE) daripada keluasan negeri ini.

Dengan kerjasama masyarakat tempatan yang terdiri daripada penduduk berbilang kaum kira – kira 27 buah etnik antaranya Melayu, Iban, Cina, Bidayuh dan Orang Ulu yang sebahagiannya masih lagi bergantung kepada sumber hutan serta pemegang taruh, Jabatan Hutan sudah pasti akan mencapai sasaran enam (6) juta hektar hutan untuk diwartakan sebagai PFE selaras dengan peranannya mengurus hutan secara lestari untuk kepentingan ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Menyedari kepentingan penglibatan banyak pihak dalam memelihara sumber ekosistem semulajadi ini, pengurusan hutan telah diangkat sebagai salah satu daripada enam sektor penyumbang ekonomi utama Sarawak dalam *Post Covid – 19 Development Strategy 2030 (PCDS 2030)*.

2.0 Definisi Perhutanan Sosial Sarawak

Perhutanan sosial di Sarawak boleh didefinisikan sebagai penglibatan komuniti tempatan dalam pengurusan sumber hutan secara mapan untuk memenuhi keperluan sosio ekonomi, budaya dan alam sekitar dengan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan yang berkaitan. Dalam menjalankan fungsi ini, perhutanan sosial dipandu dengan visi kebangsaan yang jelas iaitu:

“Ke arah penglibatan dan perhutanan sosial yang inovatif untuk pengurusan sumber hutan mapan.”

Untuk memacu visi ini ke arah kejayaan, sebuah misi turut ditetapkan iaitu:

“Untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat orang asli dan tempatan melalui penyertaan aktif dalam bidang perhutanan sosial.”

Disebabkan faktor geografi Sarawak yang luas, masyarakat yang mendiami kawasan sekitar PFE yang meliputi hutan simpan, hutan terkawal, hutan komunal dan hutan rizab kerajaan disasarkan untuk program perhutanan sosial ini termasuklah kawasan yang terkesan dengan aktiviti pembalakan atau pembinaan empangan, kawasan *Forest Management Unit* (FMU), kawasan *High Conservation Value Forest* (HCVF) selain kawasan yang berpotensi untuk dimajukan sebagai kawasan tarikan pelancongan, tadahan air dan kawasan kerap berlaku pembalakan haram.

2.1 Objektif Perhutanan Sosial di Sarawak

Bagi mencapai visi dan misi seperti di atas, beberapa objektif telah ditetapkan dalam memandu hala tuju perhutanan sosial di Sarawak, iaitu:

- i. Meningkatkan taraf serta kualiti hidup komuniti yang tinggal di sekitar Kawasan hutan dengan menggunakan inisiatif khidmat komuniti melalui penglibatan mereka dalam pengurusan hutan secara berkekalan, tanpa bergantung sepenuhnya kepada sumber hutan;
- ii. Memberi kesedaran tentang peranan jabatan dan kepentingan hutan kepada komuniti serta menerapkan nilai – nilai bagi menghargai alam semulajadi;
- iii. Membentuk, memperbaiki serta mewujudkan peluang pendapatan secara berterusan bagi pembangunan komuniti;
- iv. Menyokong sistem pengurusan hutan secara berkekalan bagi memberi faedah kepada kedua-dua pihak melalui latihan dan pemeraksanaan keupayaan komuniti; dan
- v. Menyumbang dalam mengawal sumber & fungsi hutan secara berterusan.

3.0 Perancangan dan Pengurusan Perhutanan Sosial di Sarawak

3.1 Perancangan Perhutanan Sosial

3.1.1 Peruntukan

Dalam melakukan fungsi perhutanan sosial di Sarawak, Jabatan Hutan Sarawak menerima pelbagai sumber kewangan baik peruntukan daripada kerajaan mahu pun dana swasta. Berikut merupakan peruntukan yang pernah diterima seperti Jadual 1 di bawah:

Jadual 1 Antara peruntukan yang pernah diterima untuk kerja perhutanan sosial

Bil.	Peruntukan	Jenis
i.	Rancangan Malaysia	Persekutuan dan Negeri
ii.	Peruntukan Operasi	Negeri
iii.	Lembaga Kumpulan Wang Kawasan Konsesi Hutan (CESS)	Negeri
iv.	International Tropical Timber Organisation (ITTO)	Antarabangsa

v.	World Wildlife Fund (WWF)	Antarabangsa
vi.	Sumber Kumpulan Wang Covid-19 (KWC) – <i>Reskill Upskill</i> Latihan Ekopelancongan	Persekutuan

3.1.2 Asas Perhutanan Sosial di Sarawak

Dalam melaksanakan perhutanan sosial di Sarawak, Jabatan telah menghasilkan Pelan Strategik Jabatan Hutan Sarawak 2021 – 2025 di mana pelan strategik ini telah menggariskan dua teras melibatkan perhutanan sosial iaitu Teras 6 dan 10.

- i. Teras 1 : *Sustaining Forest Resources*
- ii. Teras 2 : *Forest Law Enforcement*
- iii. Teras 3 : *Forest Revenue Management*
- iv. Teras 4 : *Research, Development, Innovation and Commercialisation*
- v. Teras 5 : *Restoration and Industrial Forest*
- vi. Teras 6 : *Social and Urban Forestry*
- vii. Teras 7 : *Leveraging on Technology for Effective Forest Management*
- viii. Teras 8 : *International Affairs*
- ix. Teras 9 : *Financial and Human Resource*
- x. Teras 10 : *Communication, Education and Public Awareness*

Teras ini adalah selari dengan aspirasi Kerajaan Sarawak yang telah menghasilkan *Post Covid – 19 Development Strategy 2030 (PCDS 2030)*. PCDS 2030 ini telah menggariskan 3 cabaran utama untuk dicapai iaitu;

- i. Rancangan jangka panjang yang menyediakan aspirasi dan strategi Sarawak bagi mencapai negeri maju menjelang tahun 2030;
- ii. Aspirasi ini didasarkan kepada 3 teras utama iaitu kemakmuran ekonomi, keterangkuman sosial dan kemapanan alam sekitar; dan
- iii. Sektor perhutanan disasarkan untuk diiktiraf sebagai pengurusan secara mapan ke atas hutan tropika dan pemeliharaan biodiversiti disamping meningkatkan pertumbuhan industri perikanan.

Selain itu, teras dan aspirasi kerajaan berkenaan perhutanan sosial ini juga mengambil kira aspirasi antarabangsa yang menggariskan 17 matlamat yang termaktub di bawah *Sustainable Development Goals (SDGs)* di mana 5 bidang utama SDG adalah terkait termasuklah:

- i. *No Poverty*;
- ii. *Zero hunger*;
- iii. *Good health and well – being*;
- iv. *Clean water and sanitation*;
- v. *Climate action*; dan
- vi. *Life on land*.

3.2 Pengurusan perhutanan sosial

Sebanyak lima (5) pendekatan utama telah dipilih sebagai kaedah untuk melaksanakan aktiviti perhutanan sosial di negeri ini seperti dalam Rajah 1.



Rajah 1 Pendekatan Perhutanan Sosial di Jabatan Hutan Sarawak

3.2.1 Pendekatan 1: Program Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA)

- a. Menjalankan program – program, aktiviti pendidikan dan perkembangan mengenai alam sekitar, kepentingan hutan, fungsi kepada komuniti, pelajar sekolah dan pemegang taruh; dan
- b. Melaksanakan program dan aktiviti kesedaran awam ke atas fungsi, peranan jabatan serta membuat publisiti melalui media massa dan apa jua bentuk publisiti berkenaan dengan projek dan program perhutanan sosial jabatan.

Bagi pendekatan pertama ini, terdapat beberapa buah program telah dilaksanakan di seluruh Sarawak. Ini termasuklah program sendiri dan juga sebagai program sampingan yang dijalankan di bawah program lain. Selain daripada itu, pendekatan ini juga diperkuatkan dengan kerjasama erat daripada agensi luar dalam memupuk kepentingan hutan dan alam semulajadi melalui program – program yang dijalankan secara jemputan.

Dalam menyampaikan maklumat kesedaran kepada masyarakat iaitu peringkat pelajar sekolah rendah, menengah, institute pengajian tinggi, golongan dewasa serta agensi kerajaan mahu pun swasta. Untuk peringkat pelajar sekolah rendah dan menengah, sebuah program yang dinamakan sebagai *Junior Forest Ranger (JFR)* sedang dibangunkan untuk mendidik pelajar sekolah berkenaan kepentingan hutan terhadap manusia.

3.2.2 Pendekatan 2: Peningkatan Pendapatan dan Taraf Hidup Komuniti

- a. Membangun, merancang, melaksanakan projek – projek, program dan aktiviti perhutanan tani melalui penglibatan komuniti.
- b. Membangun, mengurus dan mempromosikan produk – produk hasil hutan bukan kayu (*Non – Timber Forest Products, NTFP*).

Pendekatan yang dirangka dalam menjalankan aktiviti perhutanan sosial di Sarawak ini merupakan antara komponen terpenting dalam menggerakkan usaha perhutanan sosial di kalangan komuniti secara berkesan. Antara inisiatif yang dilakukan oleh Jabatan Hutan Sarawak

adalah dengan penganjuran Karnival *Non – Timber Forest Products (NTFP)* 2016 – 2019, Ekspo *Non – Timber Forest Products (NTFP)* 2022 – 2023 dan Karnival Pembangunan Komuniti Perhutanan 2024. Karnival dan ekspo ini telah melibatkan ratusan komuniti dari seluruh Sarawak bagi menyediakan platform asas kepada komuniti yang mengusahakan produk hasil hutan bukan kayu, sekaligus membina jaringan perniagaan ke pasaran luar yang lebih luas.

Selain berteraskan perniagaan produk, peserta karnival dan ekspo ini turut diterapkan dengan nilai tambah dengan pengisian aktiviti seperti perkongsian ilmu keusahawanan, program kesedaran awam serta demonstrasi pembuatan produk. Bagi pengunjung yang hadir, program seperti pertandingan berasaskan pertandingan fesyen hasil hutan bukan kayu turut diadakan yang bertindak sebagai serampang dua mata bagi tujuan promosi selain memberi kesedaran terhadap kepentingan sumber hutan untuk kegunaan harian. Sehingga kini, sebanyak lima (5) edisi karnival dan tiga (3) edisi ekspo dalam tempoh tujuh (7) tahun telah dianjurkan oleh Jabatan Hutan Sarawak. Untuk rekod, jumlah kumulatif jualan sepanjang karnival dan ekspo yang berjaya diraih oleh komuniti adalah kira – kira RM1.2 juta bagi pelbagai jenis produk.

Di samping itu, pihak jabatan turut berkerjasama dengan agensi luar dalam meningkatkan kualiti produk dari segi pembungkusan dan perlabelan selain kaedah dan strategi pemasaran serta publisiti yang berkesan terhadap produk komuniti yang mempunyai potensi tinggi untuk menembusi pasaran luar. Salah satu produk milik komuniti yang dibangunkan adalah Garam Bukit Ba' Kelalan dari daerah Lawas yang berjaya mendapat persijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

3.2.3 Pendekatan 3: Pembangunan Modal Insan

- a. Membangun, merancang, melaksanakan projek atau aktiviti yang mampu melatih komuniti untuk menghasilkan produk kraftangan yang lebih kreatif dan unik dengan menggunakan sumber hutan yang ada; dan
- b. Membina jaringan perniagaan serta membuka peluang pemasaran kepada pembeli luar terhadap produk yang dihasilkan.

Dalam meningkatkan kemahiran penduduk luar bandar atau penduduk yang tinggal di sekitar kawasan PFE dalam meningkatkan sumber ekonomi, Jabatan Hutan Sarawak telah mengadakan pelbagai kursus kemahiran menggunakan tenaga pengajar daripada kakitangan jabatan sendiri atau dari agensi luar mahu pun dari kalangan komuniti yang mempunyai kepakaran yang khusus dalam sesuatu bidang.

Antara kursus yang dianjurkan adalah seperti kursus pemandu pelancong, pembuatan bot fiber, pembuatan manik seramik, pemasaran produk, pendawaian asas elektrik dan pembuatan perabot. Antara kejayaan penganjuran kursus ini adalah dengan tertubuhnya sebuah persatuan pemandu pelancong iaitu *Tourist Guide Community Heart of Borneo, Jangkar Waterfall*.

Selain daripada pemeliharaan kawasan hutan terosot, kawasan sungai juga turut menjadi keutamaan dalam perhutanan sosial di Sarawak. Ini diterapkan dalam projek seperti penubuhan sistem tagang perhutanan, penternakan ikan dalam sangkar dan kolam lembah sungai.

Kawasan yang terlibat dengan projek ini antaranya adalah Rumah Tinggau dan Rumah Bada di Ulu Engkari, Sri Aman yang menerima manfaat hasil dari penubuhan sistem tagang perhutanan yang telah dilaksanakan 2010 sehingga kini. Projek ini memberi impak positif kepada kawasan dengan menjadi salah sebuah kawasan tarikan baharu ekopelancongan,

sekaligus meningkatkan sumber ekonomi penduduk tempatan secara terbitan melalui inap desa, pengangkutan bot air, perniagaan perikanan dan peruncitan. Antara kursus yang dianjurkan adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2.

3.3.4 Pendekatan 4: Kerja – Kerja Sosial dan Khidmat Komuniti

- a. Menyediakan khidmat kemudahan asas kepada komuniti yang tinggal di pinggir kawasan PFE sebagai tanggungjawab sosial jabatan.

Secara umumnya, kawasan luar bandar Sarawak merupakan kawasan yang agak sukar dihubungi melalui jalan darat. Ini menyebabkan berlakunya perbezaan taraf hidup dan kemajuan kawasan berkenaan berbanding kawasan bandar. Oleh yang demikian, aktiviti perhutanan sosial mengambil langkah proaktif dalam merapatkan jurang kesejahteraan hidup masyarakat dan luar bandar.

Antara inisiatif yang dilakukan adalah pembinaan jambatan gantung, sistem bekalan air paip graviti, pembekalan bahan – bahan binaan rumah dan baik pulih rumah. Antara projek terbaharu daripada Jabatan Hutan Sarawak adalah Projek Pembinaan Dua (2) Buah Jambatan Gantung dan Projek Pembinaan Bekalan Air Bersih Komuniti Penan di Long Kerong, Ulu Baram, Miri yang disiapkan pada Mac 2024.

Penempatan ini tidak mempunyai akses jalan darat dan hanya boleh dihubungkan dengan menyusuri sungai menggunakan bot kira – kira tiga (3) jam. Pembinaan infrastruktur ini telah memanfaatkan kira – kira 100 orang komuniti Penan bagi menyediakan kemudahan ke kawasan kebun dan tempat perhentian bot selain akses para pelajar berjalan kaki ke sekolah rendah terdekat.

Pembinaan bekalan air bersih juga turut membantu dalam mengurangkan beban penduduk dengan menyalurkan bekalan air bersih terus ke rumah. Ini sekaligus meningkatkan taraf kesihatan dengan penggunaan air yang tidak tercemar dengan aktiviti manusia seperti penternakan dan pertanian pindah.

Pelaksanaan projek yang jauh di pedalaman ini agak sukar dilakukan berikutan faktor lokasi sekaligus memberi kesan kepada logistik. Faktor ini menyebabkan projek ini dilaksanakan secara gotong royong bersama komuniti sekaligus membina nilai kebertanggungjawaban komuniti terhadap infrastruktur yang dibina.

3.2.5 Pendekatan 5: Perhutanan Tani dan Perhutanan Bandar

- a. Membangunkan serta mengurus hutan komunal secara bersepadu dengan komuniti setempat;
- b. Membekalkan anak pokok hutan dengan membangunkan semula serta mengurus nurseri di Sarawak bagi tujuan pemuliharaan hutan yang terdegradasi;
- c. Memberi pendapatan sampingan kepada komuniti dengan membeli anak benih pokok hutan bagi tujuan penyemaian anak benih pokok dan penyelenggaraan nurseri di setiap nurseri yang terlibat; dan
- d. Mewujudkan dan membangunkan perhutanan bandar, luar bandar dan pedalaman bagi meningkatkan serta mengekalkan nilai – nilai estetika kawasan riadah dan aktiviti pelancongan.

Perhutanan tani dan perhutanan bandar di Sarawak merupakan satu cabaran baharu dalam meningkatkan kepelbagaian fungsi PFE. Hutan Komunal Lubok Antu, Samarahan merupakan projek perintis bagi pelaksanaan model hutan tani di Sarawak. Bagi model hutan tani ini, kawasan hutan yang dikenal pasti sebagai kawasan terosot telah ditanam dengan pelbagai spesies kayu balak tempatan yang boleh mengeluarkan hasil seperti biji ketiau paya (*Madhuca motleyana*), buah – buahan bermusim seperti cempedak (*Arthocarpus integer*), engkalak (*Litsea garciae*) dan tanaman kontan seperti sayur midin (*Stenochlaena palustris*), cili dan terung asam (*Solanum Lasiocarpum*).

Selain itu, projek penanaman pokok gaharu (*Aquilaria malaccensis*) juga telah dilaksanakan di Rumah Manggat, Menyang Taih di Lubok Antu dan Rumah Tinggau, Ulu Engkari, Sri Aman. Projek ini dilaksanakan bagi memulihkan kawasan hutan terosot serta kehidupan komuniti yang terjejas akibat pembinaan Empangan Hidroelektrik Batang Ai. Daun gaharu daripada kawasan ini telah dituai dan dibuat sebagai teh minuman untuk pasaran tempatan sekaligus membantu meningkatkan sumber ekonomi penduduk tempatan. Kejayaan dan kemampanan projek ini adalah hasil kerjasama dan sokongan daripada penduduk tempatan dan agensi luar seperti Sarawak Energy Berhad (SEB), World Wildlife Fund (WWF) serta Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Projek ini telah memenangi anugerah emas bagi kategori Anugerah *High Performance Team* (AHPT) sempena sambutan Hari Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak pada tahun 2019.

Manakala di Long Seridan, Miri sebuah projek penanaman tongkat ali, *Eurycoma longifolia* sedang dalam proses pelaksanaan untuk mencipta peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan untuk mengusahakan sendiri tumbuhan berkhasiat ini.

Bagi perhutanan bandar, sebuah projek baharu telah dirancang bagi menubuhkan sebuah kawasan hijau dalam bandar. Projek Pembangunan Hutan Bandar di Hutan Simpan Kayangeran, Lawas, Bahagian Limbang merupakan projek pertama yang digarap untuk menyediakan kawasan riadah sekaligus mewujudkan kawasan hijau di bandar. Projek ini akan menyumbang kepada kestabilan ekosistem di kawasan bandar iaitu meningkatkan kualiti udara, mengurangkan suhu persekitaran, mengurangkan risiko banjir selain boleh meningkatkan kesihatan mental dan fizikal penduduk tempatan.

4.0 Pencapaian Perhutanan Sosial di Sarawak

Bahagian Perhutanan Sosial telah berjaya melaksanakan beberapa aktiviti dan projek seperti yang dinyatakan pada Jadual 1:

Jadual 1 Antara senarai aktiviti dan projek yang dilaksanakan oleh Bahagian Perhutanan Sosial

Bil.	Aktiviti / Projek	Tahun
i.	Program Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam di perkampungan dan sekolah berdekatan dengan Hutan Simpan Kekal Balui dan Balleh – Balui FMU di kawasan Heart of Borneo (HoB) di Bahagian Kapit, Sarawak	2024
ii.	Program Kesedaran Awam: Ekonomi Hijau dan Pembangunan Lestari di Tapak Cadangan Biosfera	2024
ii.	Pameran Program Hari Bumi Peringkat Negeri Sarawak “Planet vs Plastic”	2024

v.	Program CEPA di Kawasan HoB dan PFE Bahagian Sarikei	2024
v.	<i>Speak Up With Confidence, Intensive Public Speaking Course</i>	2023
vi.	Kursus Kemahiran Asas Bimbingan Keusahawanan Hasil Hutan Bukan Kayu (NTFP)	2024
ii.	Kursus Kemahiran Asas Pembuatan Kraf Seramik Manik	2024
ii.	Kursus Pemasaran Produk NTFP Melalui Kaedah Digital Berkesan Bersama Komuniti Heart of Borneo	2024
x.	Program CEPA di Kawasan HoB dan PFE Bahagian Sarikei	2024
x.	Projek Pembinaan Dua (2) Buah Jambatan Gantung dan Projek Pembinaan Bekalan Air Bersih Komuniti Penan di Long Kerong, Ulu Baram, Miri	2024
xi.	Bekalan bahan-bahan binaan atap rumah komuniti Penan di Segah-Selaan, Ulu Baram, Miri	2023
ii.	Pembinaan Jambatan Gantung di Lubuk Pantu, Ulu Engkari, Sri Aman	2022
ii.	Baikpulih fasiliti rumah panjang untuk kemudahan inap desa di Rumah Manggat, Menyang Taih, Batang Ai, Lubok Antu	2019
iv.	Penubuhan Sistem Tagang Perhutanan di Ulu Engkari, Ulu Menyang, Sri Aman dan Kampung Belimbing, Padawan	2011, 2016 & 2023
v.	Bekalan sangkar ikan HDPE untuk penternakan ikan air tawar di Tapang Pungga dan Menyang Taih, Batang Ai, Lubok Antu	2022 & 2023
vi.	Karnival <i>Non – Timber Forest Products</i> (NTFP)	2016 – 2019
ii.	Ekspo <i>Non – Timber Forest Products</i> (NTFP)	2022 – 2023
ii.	Karnival Pembangunan Komuniti Perhutanan	2024

5.0 Isu dan Cabaran

Di antara cabaran dalam pelaksanaan program dan projek perhutanan sosial di Sarawak termasuklah:

- i. Pemulihan projek yang terkesan oleh Covid – 19 dan ekonomi.
Banyak projek terbengkalai dan terhenti serta sukar untuk dipulihkan disebabkan bahan binaan telah rosak serta harga barang di pasaran telah jauh meningkat. Ini menyebabkan projek terpaksa dikaji semula bagi memastikan projek boleh disiapkan. Jabatan Hutan Sarawak telah melaksanakan projek – projek tersebut secara gotong royong bagi menjimatkan kos.
- ii. Lokasi dan logistik
Terdapat banyak penempatan komuniti sasaran terletak jauh di kawasan pedalaman serta terpencil tanpa jaringan pengangkutan awam. Faktor ini menyebabkan kos projek menjadi sangat tinggi. Jabatan Hutan Sarawak juga bekerjasama dengan syarikat pembalakan di kawasan yang terdekat bagi memudahkan proses pengangkutan bahan binaan untuk mengurangkan kos pengangkutan.
- iii. Motivasi dan komitmen komuniti yang rendah.
Beberapa projek berkaitan pembangunan komuniti seperti projek hutan tani dan tagang perhutanan menghadapi masalah akibat kurangnya penglibatan komuniti. Pihak jabatan sentiasa mengambil pendekatan terbaik untuk bekerja bersama –

sama dengan komuniti seperti dialog dan mesyuarat bagi mengenal pasti masalah agar semua perancangan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

- iv. Pasaran hasil hutan bukan kayu yang terhad.
Bagi mengatasi barangan hasil bukan kayu yang kurang mendapat pendedahan di kalangan masyarakat bandar, Jabatan Hutan Sarawak telah melakukan inisiatif seperti mengadakan karnival dan ekspo NTFP. Selain daripada itu, pihak jabatan juga membantu dalam penjenamaan semula produk keluaran komuniti seperti menjalin kerjasama dengan syarikat swasta, mengadakan latihan kemahiran dan keusahawanan.

6.0 Kesimpulan

Populasi penduduk Sarawak adalah kira – kira 2.8 juta orang terdiri daripada lebih 27 etnik kebanyakan komuniti ini masih tinggal di kawasan kampung dan pedalaman di mana mereka masih lagi bergantung sepenuhnya kepada sumber hutan sebagai kegiatan ekonomi. Justeru, perhutanan sosial merupakan pendekatan yang penting dalam pengurusan dan pembangunan sosio – ekonomi terutamanya komuniti yang tinggal berhampiran dengan PFE.

Senada dengan Dasar Perhutanan Malaysia dan Sarawak, *Sustainable Development Goal (SDG)*, *Post Covid – 19 Development Strategy 2030 (PCDS 2030)* dan Pelan Strategik Jabatan Hutan Sarawak, kesemua projek dan program perhutanan sosial di Sarawak memfokuskan kepada pembangunan komuniti yang tinggal di sekitar kawasan PFE dari aspek ekonomi, pengetahuan, kemahiran, taraf dan kualiti hidup.

Perlaksanaan aktiviti – aktiviti ini disokong oleh pelbagai pihak dan dibiayai melalui pelbagai sumber kewangan seperti Rancangan Malaysia (RMK) di bawah projek pembangunan persekutuan dan kerajaan Sarawak, pembiayaan antarabangsa dan organisasi bukan kerajaan (NGO), agensi swasta serta pembiayaan alternatif antaranya daripada Lembaga Kumpulan Wang Kawasan Konsesi Hutan (LKWKKH).

Antara isu dan cabaran yang perlu dihadapi dalam pelaksanaan projek termasuklah persepsi komuniti terhadap usaha dan inisiatif kerajaan, kekangan logistik, lokasi yang jauh di pedalaman, jaringan telekomunikasi dan sumber tenaga manusia yang terhad. Dengan adanya kerjasama erat di antara agensi kerajaan, swasta dan NGO, projek perhutanan sosial di Sarawak berjaya memberi impak positif terhadap pengurusan hutan secara mapan di Sarawak khususnya dan di Malaysia secara amnya.

RUJUKAN

1. Economic Planning Unit, Department of the Premier of Sarawak (2021), *Post Covid Development Strategy 2030 (PCDS 2030)*. Diambil daripada https://sarawak.gov.my/media/attachments/PCDS_Compressed_22_July_2021.pdf
2. Jabatan Hutan Sarawak (2021). *Pelan Strategik Jabatan Hutan Sarawak 2021 – 2025*.
3. Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, (2021). *Dasar Perhutanan Malaysia*. Diambil daripada

<https://www.nres.gov.my/ms-my/pustakamedia/Penerbitan/Dasar%20Perhutanan%20Malaysia.pdf>

4. Ministry of Energy and Natural Resources, (2022). *The Social Forestry Strategic Plan of Malaysia 2021 – 2025*. Diambil daripada <https://www.mybis.gov.my/pb/4848#:~:text=The%20Social%20Forestry%20Strategic%20Plan,other%20related%20policies%20and%20legislations.>
5. United Nations (2016). *Sustainable Development Goals, SDGs*. Diambil daripada <https://sdgs.un.org/goals>